

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 41 RABU 8 OKTOBER, 1969

1389 رابو 26 رجب

PERCHUMA



ADINDA2 D.Y.M.M.

BERANGKAT KA-LONDON

BANDAR BRUNEI. — Dua orang adinda kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah telah berangkat ka-London pada hari Sabtu lepas untok melanjutkan pelajaran di-sana.

Kedua2 putera kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan itu telah ditemani oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Datin Dolbey dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Lela Haji Ismail.

Di-Lapangan Terbang Berakas, kedua2 putera Di-Raja itu telah di-hantar oleh pegawai2 kanan Kerajaan, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan orang2 yang bergelar.

Sa-jurus sa-belum kedua2 putera Di-Raja itu berangkat, do'a selamat telah di-bachakan dan sa-belum itu kedua2 putera itu telah berjabat salam dengan orang2 kenamaan yang menghantar di-lapangan terbang.

Gambar menunjukkan Ketua Surohanjaya Tinggi British di-Brunei, Awang E. W. Bird mengucapkan selamat berangkat kapada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah (Nombor 2 dari kanan). Di-kiri sekali ia-lah Yang Di - Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Lela Haji Ismail yang mengiringi kedua2 putera Di-Raja itu ka-London.

Sambutan Isra' dan Mi'raj di-Labi

LABI, ULU BELAIT. — Penduduk2 di-Mukim Labi akan mengadakan sambutan Isra' dan Mi'raj pada hari Jumaat 10 Oktober ini.

Sambutan ini ada-lah julong2 kali-nya di-adakan di-mukim tersebut.

Sa-lain dari sharahan mengenai Isra' dan Mi'raj yang akan di-sampaikan oleh sa-orang pensharah dari Jabatan Hal Ehwal Ugama beberapa peraduan juga akan di-adakan dalam sambutan itu.

Antara-nya ia-lah peraduan membacha kita suchi Al-Koran dan berzanzi.

Setia Usaha Sambutan Isra' dan Mi'raj di-Mukim tersebut menyatakan, peraduan tersebut hanya terbuka kapada penduduk2 di-kawasan itu.

Beliau menyeru kapada orang ramai, khas-nya yang beragama Islam supaya datang beramai2 untok menyaksikan sambutan tersebut.

Wakil Brunei ka-Sidang Malaria Asia di-K.L.

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Kesihatan, Dr. Y. H. Paik akan mewakili Brunei ka-Sidang Malaria Asia yang keenam yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur, Malaysia pada 15 hingga 22 Oktober ini.

Dr. Paik akan berlepas dari Brunei ka-Kuala Lumpur pada 13 Oktober.

Persidangan yang di-anjorkan oleh Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia itu akan membincangkan chara2 untok menghapuskan penyakit itu serta membincangkan langkah2 yang harus di-ambil bagi mencheгах penyakit itu dari berlaku semula.

Persidangan itu akan di-hadhiri oleh lebeh dari 150 orang perwakilan dari 22 buah negara.

Di-Brunei, penyakit Malaria

tidak berlaku lagi atas hasil langkah2 yang di - jalankan oleh Projek Penghapus Malaria.

Ini telah di-tentukan bahawa tidak ada kejadian penyakit itu di-beritakan berlaku di-negeri ini pada tahun lepas.

Bilangan kechil orang2 yang mengidap penyakit itu ia-lah di-antara buroh2 luar negeri yang telah mengidap penyakit itu dari negeri asal mereka.

Dua pegawai AMDB berkursus di-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Askar Melayu Di-Raja Brunei di-jadualkan berlepas ka-United Kingdom hari ini untok menjalani kursus perjuangan bagi pegawai platoon tentera Jalan kaki di - Maktab Tentera Jalan Kaki Bahagian

Taktik di-Warminister.

Mereka ia-lah Lt. Sahari bin Ahmad dan Lt. Muda Mohamad Noeh bin Abdul Hamid.

Kursus tersebut akan bermula pada 12 Oktober ini dan berakhir pada 12 Disember hadapan.



Upachara tamat latehan 30 orang anggota Pulis

BERAKAS. — Satu upachara perbarisan tamat latehan bagi 30 orang anggota Pulis Di-Raja Brunei telah di-adakan di-Pusat Latehan Pulis di-Berakas pada 30 September lepas.

Di-upachara tersebut, Pemangku Penguasa Pulis, Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong telah memberikan ucapan nasihat dan juga memeriksa barisan yang terdiri dari anggota pulis itu.

Anggota pulis itu telah menjalani kursus ulangkaji sa-lama lapan minggu di-Pusat Latehan Pulis Di-Berakas.

Semasa menjalani kursus, pulis2 itu di-ajar mengenai semua aspek tugas pulis, termasuk undang2, berkawat, chara2 menchegeh rusohan dan latehan2 chara2 menggunakan senjata.

Di-upachara itu, Pengiran Omar juga telah menyampaikan sijil2 kepada anggota2 pulis yang terbaik semasa menjalani kursus tersebut.

P.C. 531 Sheikh Abdul Ghani bin Sheikh Abdullah telah menerima sijil sa-bagai pelateh yang terbaik, P.C. 123 Abas bin Abdul Rahman telah menerima sijil terbaik dalam undang2 dan tugas pulis dan P.C. Lim Mah Swee telah menerima sijil terbaik dalam latehan jasmani dan berkawat.

Sa-ramai 27 orang anggota pulis itu juga telah lulus dalam latehan pertolongan chemas yang di-kelolakan oleh Persatuan Palang Merah di-bawah pimpinan Awangku Mohamad bin Pengiran Tuah.

Sijil2 dan lenchana2 Pertolongan Chemas itu telah di-sampaikan oleh Pengarah Palang Merah, A w a n g S. Palaniandy.

Sa-ramai 16 orang yang telah lulus peperiksaan Penyelamat Jiwa juga telah di-umumkan dalam upachara perbarisan tersebut.

Pencharagam Pulis Di-Raja Brunei juga telah turut menyumbangkan permainan - nya di-upachara tersebut.

Pengiran Omar sedang menyampaikan sijil kepada P.C. 531 Sheikh Abdul Ghani bin Sheikh Abdullah yang telah di-pilih sa-bagai pelateh terbaik dalam kursus tersebut. Di-kiri ia-lah Pegawai Pemerintah Sekolah Latehan Pulis, Awang T. S. Swan.

Penyiasatan penyakit untut di-perluas lagi

BANDAR BRUNEI. — Rombongan penyiasat dari Projek Penghapus Malaria akan melawat ka-tiga buah kampung di-Daerah Tutong dan empat buah kampung di-Daerah Temburong dalam bulan ini untuk memeriksa sama ada penduduk2 di-kampung tersebut mengidap penyakit untut.

Pada 16 Oktober ini satu rombongan akan memeriksa penduduk2 di-Kampung Supon Besar dan pada 23 Oktober rombongan itu akan berada di-Kampung Bukit.

Kampung tersebut mempunyai lebih kurang 471 orang penduduk.

Satu rombongan lagi akan mula mengambil contoh2 darah 348 orang penduduk di-empat buah kampung di-Daerah Temburong pada 11 Oktober ini apabila mereka melawat ka-kampung Belais dan Buda2.

Pada 15 Oktober, rombongan tersebut akan melawat ka-Kampung Bakarut, Kampung Batang Duri pada 23 Oktober dan Kampung Belingos pada 29 Oktober.

Masa berkerja bagi rombongan penyiasat itu pada bulan ini ia-lah antara jam 8.00 pagi dan 12.00 tengah hari.

Projek Penghapus Malaria mula menjalankan kempen itu pada bulan Jun tahun lalu berikutan terdapat-nya tanda2 bahawa penyakit itu sedang berlaku di-Daerah Tutong.

Sa-takat ini sa-ramai 97 orang telah di-dapati mengidap penyakit untut di-empat daerah di-negeri ini.



Awang S. Palaniandy sedang menyampaikan sijil pertolongan chemas kepada P.C. 123 Abas bin Abdul Rahman yang juga telah di-pilih sa-bagai pelateh terbaik dalam undang2 dan tugas2 pulis.

Pertunjokkan pertanian di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Pertunjokkan Pertanian bagi Daerah Belait akan di-adakan pada Hari Ahad 12 Oktober bertempat di-tanah lapang di-antara Jalan Bunga Raya dan Jalan Penglima di-Kuala Belait.

Pertunjokkan yang di-anjor-kan buat kedua kali-nya itu hanya terbuka kepada penduduk2 di-Daerah Belait sahaja.

Barang2 yang akan di-pertunjokkan ia-lah padi, beras, binatang2 ternakan, buah2an, sayur2an serta hasil2 pertukangan tangan dan masak-masakan.

Penolong Pegawai Pertanian Belait berkata, semua barang2 yang akan di - pertunjokkan hendak-lah di-hantar ka-tempat pertunjokkan tidak lewat dari pukul 7.00 malam hari Sabtu, 11 Oktober.

Sayor2an dan barang yang lekas busok hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 7.00 pagi hari Ahad, 12 Oktober.

Pertunjokkan Pertanian itu akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

\$12 1/4 juta di-peruntukkan bagi ranchangan bekalan ayer Belait

KUALA BELAIT. — Kerajaan telah memperuntukkan wang sa-jumlah \$12 1/4 juta bagi ranchangan perbekalan ayer di-Kuala Belait dan Seria.

Sharikat Binnie dan Pakatan yang di-lantek untuk merancang projek tersebut juga akan mengawasi kerja pembinaan bagi pehak kerajaan.

Kerja2 merangkakan projek tersebut sedang di-jalankan. Tawaran2 bagi pembinaan

projek tersebut akan di-keluarkan lewat tahun ini dan projek yang di-chadangkan itu akan di-mulakan awal tahun depan.

Kerja2 penyiasatan bagi ta-di-jadualkan siap dalam tahun 1972.

Kerja2 penyiasatan bagi tapak ranchangan perbekalan ayer di-Kuala Belait dan Seria telah selesai baru2 ini dengan menelan perbelanjaan kira2 \$157,280.00.

KHUTBAH JUMA'AT

SIAPA2 YANG MENINGGALKAN SEMBAHYANG SA-OLAH2 MERUBOHKAN UGAMA-NYA

BARANG di-ketahui bahawa tiap2 tahun pada malam 27 Rejab, seluruh umat Islam di-dunia ini telah memperingati Malam Isra' dan Mi'raj yang telah berlaku ka-atas junjongan kita Nabi Besar Mohammad s.a.w., ia-itu sa-tahun sa-belum junjongan berhijrah ka-Madinatul-Munawarah.

Perkara ini telah di-terangkan oleh Allah subhanahu-wataala di-dalam Al-Koran surat Isra' ayat satu yang bermaksud.

"Maha suchi Tohan yang telah memperjalankan hambanya (Nabi Mohammad) pada waktu malam dari Masjidil-Haram (Di - Mekah) ka-Masjidil-Aqsa (Baitul Mukaddis) yang telah kami berkati di-sekeliling-nya, supaya kami memperlihatkan tanda2 kebesaran dan kekuasaan Allah, bahawasa-nya Allah itu amat mendengar lagi amat melihat".

Dalam perkara Isra' dan Mi'raj ini juga ada di-terangkan dalam surat Annajmi sa-bagai menguatkan lagi kebenaran Isra dan Mi'raj itu.

Sa-bagaimana kita semua berkali2 mendengar sharahan2 atau pun membaca daripada kitab2 khas yang di-karang oleh ulama2 daripada dahulu hingga sekarang yang mengikut ayat2 Al-Koran dan hadith berkenaan perkara ini tentulah sa-banyak sedikit kita maseh ingat apakah tujuan-nya Nabi kita Mi'raj itu dan apa pula perkara2 ajaib dan tamsil ibarat yang di-perlihatkan oleh Allah tentang keadaan dan kelakuan umat-nya di-dunia ini

Empat wakili Daerah Belait

ka-peraduan akhir

KUALA BELAIT. — Dua orang qari dan dua orang qari'ah telah di-pilih untuk mewakili Daerah Belait ka-pertandingan membaca kitab suchi Al-Koran perengkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei bulan hadapan.

Mereka ia-lah Awang Mornee bin Sanai, Awang Salman bin Haji Abu Bakar, Dayangku Khadijah bte Pengiran Omar dan Dayang Aminah binte Mohammad. Ke-empat2 qari dan qari'ah itu telah di-pilih dari 12 orang peserta dalam pertandingan membaca Al-Koran perengkat Daerah Belait yang telah di-adakan di-pengerangan Masjid Mohammad Alam Kuala Belait pada minggu lepas.

Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdullah bin Haji Ja'afar.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Kadzi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Dima Raja Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin.

untuk pengetahuan Rasulullah dan menyampaikan kepada umat sa - bagai sa-orang Rasulullah di-alam dunia ini.

Untuk membaharui ingatan kita di-hari ini di-dalam perkara Isra' dan Mi'raj biarlah di-nyatakan dengan ringkas-nya, sa-lain daripada Rasulullah di-perlihatkan tanda2 kebesaran Allah, Nabi kita telah juga menerima memperdhukan sembahyang lima waktu sa-hari sa-malam sa-telah berkali2 Rasulullah memohon keringanan daripada Allah, dari sini dapat-lah kita memikirkan bahawa betapa besar dan mulia-nya serta berat-nya ferdhu sembahyang sa-hingga tidak di-wahyukan dengan perantaraan Malaikat Jibril sa-bagaimana kewajipan yang lain, bahkan Rasulullah sendiri telah menerima - nya. Maka oleh itu-lah telah di-sifatkan oleh Rasulullah dalam satu hadith - nya yang bermaksud:

"Sembahyang itu sa-bagai tiang ugama dan siapa2 yang meninggalkan - nya, sa-olah2 merubuhkan ugama-nya."

Dalam perjalanan Nabi kita Mi'raj itu, telah di-perlihatkan juga kelakuan umat-nya di-antara lain orang yang zalim dan tidak mengeluarkan zakat harta-nya ia-itu Nabi melihat satu kaum yang tidak memakai pakaian, hanya menutup anggota sulit-nya sahaja dengan keadaan mereka merayau2 seperti binatang dan memakan batu2 yang panas merah menyala dan memakan buah2an yang berbau busuk.

Kalau-lah di-dunia ini orang kaya tidak mengeluarkan zakat harta-nya itu dan dari harta2 itu dapat memberikan kesenangan2 dan memuaskan hawa nafsu-nya yang tidak diharuskan oleh Shara' itu, maka patut-lah mereka itu merasa susah payah serta azab yang akan di-balas dengan ke-

Bakal2 haji di-seru supaya menyerahkan wang deposit

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama mengingatkan kepada bakal2 haji yang akan pergi dengan kapal terbang supaya menyerahkan wang2 deposit tambang mereka dengan sa-chepat mungkin.

Sa-orang juruchakap Bahagian Urusan Haji berkata, wang deposit ia-lah \$1,000 bagi sa-orang dewasa dan \$500.00 bagi kanak2.

Bakal2 haji yang ingin menjelaskan semua wang tambang tersebut boleh juga berbuat demikian ketika penyerahan wang deposit itu di-lakukan.

Tambang bagi sa-orang dewasa ia-lah \$1,680.00 dan \$1,180.00 bagi sa-orang kanak2.

Juruchakap itu berkata, bakal2 haji di-Daerah Brunei - Muara hendak-lah menyerahkan wang tambang itu ka-Sharikat Pelancongan Kalimantan di-alamat 210 Tingkat Satu, Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Bakal2 haji di-Daerah Belait hendak-lah menyerahkan wang tersebut ka-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait. Bagi bakal2 haji di-daerah2 Tutong dan Temburong hendak-lah menyerahkan wang2 tambang ka-pejabat2 Ugama di-daerah masing2.

Dalam musim haji hadapan ini, sa-ramai 177 orang bakal haji Brunei akan menunaikan haji dengan menaiki kapal terbang.



senangan2 dengan tidak memperdulikan hak2 orang lain di-dunia ini.

Di-samping kita mengingati Isra' dan Mi'raj ini dengan lain perkataan di-samping mengingati tarikh di-wajibkan sembah yang lima waktu, kita patut memperingati perkara2 lain yang di-wajibkan ka-atas kita seperti zakat yang mana satu perkara yang di-anggap selalu di-chuahkan oleh umat Islam mengeluarkan-nya.

Jika kita menilik kepada ayat2 suchi Al-Koran yang terdapat perkataan Assalah (sembahyang) di-iringi dengan perkataan Azzakah (zakat), oleh itu - lah di-ingatkan kepada kaum muslimin khas-nya kepada orang2 yang ada mempunyai harta benda yang wajib di-keluarkan zakat supaya tidak merasa ragu2 juga tidak merasa kehilangan harta kerana zakat itu ada-lah untuk membersehhkan harta dan memberi kebajikan kepada orang2 yang tertentu dan mengeluarkan-nya muga2 kita akan senang makmor di-dunia dan bahagia selamat di-akhirat.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8 Okt., 1969 hingga ka-hari Selasa 14 Okt. 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
8 Okt.		12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
9 Okt.		12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
10 Okt.		12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
11 Okt.		12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
12 Okt.		12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
13 Okt.		12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06
14 Okt.		12-13	3-30	6-12	7-28	4-34	4-49	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 1245 tengah hari.

8hb. Oktober, 1969

BIAR-LAH LURUS

APA yang di-harapkan tidak mesti timbul sa-bagai kenyataan dan ia-nya banyak sekali bergantung kepada desakan2 yang bersifat tenggelam timbul. Tetapi dari yang tidak terkilan untuk menimbulkan harapan2 itu dengan tidak di-sangka2 tampil ke m u k a yang kadang2 bertindak sa-bagai pelindung. Sifat berlawanan sa-umpama ini ada-lah lumrah di-ketahui.

Tetapi satu perkara yang harus di-perhatikan bahawa pehak2 yang di - tumpukan harapan2 itu sa-harus - nya mengenggam erat dan sentiasa menguasai-nya agar tidak terbabas ka-jurang yang sama sekali bertentangan dengan atau memudarkan gemerlap intan2 harapan itu. Keperchayaan mudah saja lenyap dan mudah mengancam pehak2 yang di-tumpukan harapan itu jika terjejak langkah2 sumbang oleh pehak yang berharap itu.

Memang di-sedari bahawa "kekhiapan" selalu saja menjadi asam garam dalam kehidupan manusia, terutama apabila manusia itu di-sesaki oleh fikir2 yang berserabut. Berbagai2 kesilapan telah di-lakukan orang, tetapi jarang sekali orang mengulangi kesilapan yang pernah di-lakukannya itu kalau pun ada, maka ia-nya sudah masuk kepada tindakan yang nekad atau dengan lain perkataan — di-senghaja.

Kenyataan bagi saranan ini, maka dalam minggu lepas telah kita sama2 ikuti dua buah ucapan Y.A.B. Menteri Besar yang masing2 berlangsung di-upacara penyampaian sijil2 Trengkas dan di-upacara pembukaan rasmi pertandingan Bintang Radio seluruh negeri.

Di-ke dua2 ucapan itu, Y.A.B. Menteri Besar telah menyatakan kesal-nya atas langkah yang di-lakukan oleh akhbar2 tempatan yang telah menyiarkan pandangan2 yang tidak tepat mengenai usaha2 Kerajaan dan bertindak menyalahkan satu2 pehak dengan tidak berpatutan.

Beliau telah menyebutkan dua perkara yang menjadi bahan pandangan yang kurang tepat oleh akhbar2 itu ia-itu mengenai dengan "tuduhan yang Kerajaan telah menyimpan daripada peratoran2 tetap dalam pengurniaan biasiswa dalam masa perkhidmatan" dan mengenai dengan "pertukaran pegawai2 pentadbir" yang di-dakwa oleh akhbar2 itu sa-bagai tidak mempunyai pengalaman di-jabatan2 yang di-duduki mereka.

Ada-lah satu perkara yang memang tidak patut di-lakukan oleh akhbar2 itu dengan mengemukakan hal2 yang boleh mengelirukan pandangan umum apa lagi jika terkeluar dari keadaan yang sebenarnya. Berthabit dengan ini, maka ada-lah di-serukan kepada pembaca2 supaya tidak hanya sekadar membaca, tetapi hendaklah di-sertai dengan pertimbangan2 yang lebih kritis. Dan begitu juga akhbar2 tempatan biarlah tanggongjawab mereka itu dapat di-buktikan dengan menimbulkan situasi masyarakat Brunei dengan sifat2 kejujuran mereka dengan bayangan2 yang lurus dan fakta2 yang benar.



Pelumba Ak. Sahar kelihatan mendahului perlumbaan ketika memasuki ka-jalan Simpang Gadong, sementara Arthur masih berada di-tempat yang ketiga.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar ketika berucap sa-belum menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2, sementara di-sabalah kanan beliau ialah Ak. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu, Pengerusi Jawatankuasa Perlumbaan Basikal anjoran MBB.

Arthur (sa-belah kanan) bersama beberapa orang pelumba2 muda ketika menjalani perlumbaan.



Kumpulan pelumba2 ketika melalui Jalan Pasir Putih yang di-dahului oleh juara tahun lepas, Ak. Sahar.



SA-LANGKAH LAGI KEMAJUAN SOKAN KITA

LUMBA basikal jarak jauh yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei telah dapat menjokkan sa-tapak lagi kemajuan sokan di-negeri ini. Anjoran2 yang sa-umpama ini ada-lah amat mustahak untuk mensataraf-kan negara kita dengan negara2 lain yang telah dapat membanggakan ahli2 sokan-nya dalam aneka lapangan. Kita tidak kurang dengan belia2 yang mempunyai bakat dan kechenderongan dalam berbagai2 lapangan sokan dan untuk menchungkil bakat2 mereka itu ia-lah dengan melalui peraduan2 sa-umpama yang di-anjorkan oleh MBB.

Di-sepanjang perlumbaan dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei itu berjalan, pelumba2 kita yang kebanyakan mereka dengan ketinggian semangat yang tidak kenal menunjukkan kehati2an mereka dalam kelebihan masa satu saat sahaja. Persaingan-nya sentiasa genting hingga ka-simpang Jalan Gadong.

Juara tahun lalu, Ak. Sahar telah mendahului perlumbaan ketika memasuki Jalan Gadong, tetapi Arthur yang mengekori-nya telah dapat menambahkan kekuatan-nya sehingga dapat menyaingi Ak. Sahar dan menewaskan juara tahun lalu itu hanya dalam kelebihan masa satu saat sahaja. Begitu kan juara tahun lalu itu hanya mendapat tempat ketiga chuma satu saat saja juga pelumba Chan Fook penempatan yang ke-empat, Ak. Masuni tertinggal tertinggal dari Ak. Sahar, sementara yang ke-empat, Ak. Masuni tertinggal dalam masa 11 saat dari Chan.

Rekod baru yang di-chipta oleh Arthur — 2 jam, 56 minit dan 29 saat itu jika bebas dari kenderaan2 yang kadang2 chuba2 menggan-dingi pelumba2 itu. Perlumbaan akan datang kawalan2 harus lebih di-ketatkan lagi dari kenderaan2 yang mengganggu itu.

Empat orang pelumba kita yang handal itu akan mengadakan kekuatan mereka di-Melaka pada 25 dan 26 Disember ini. Apakah mereka akan berjaya atau sebaliknya, sama2-lah kita ikuti nanti.

Lori J.K.R. ketika mengangkat pelumba2 dari Bandar Brunei ka-Kuala Belait pada petang hari Ahad.



Sa-orang peserta dari pasukan Seri Buana sedang di-tolong oleh dua orang pengakap kerana tidak dapat meneruskan perlumbaan di-sebabkan kechederaan.

Pelumba2 ketika berkumpul di-upacara penyampaian hadiah2 yang berlangsung di-hadapan Bangunan Dewan Majlis.



Pelumba2 ketika memulakan perlumbaan dari Pekan Belait menuju ka-Bandar Brunei sa-jauh 67 batu.




Salah sa-orang pelumba dari pasukan S.O.A.S. "B" di-beri rawatan oleh ahli2 Palang Merah kerana terlalu letih sa-telah berjaya menghabiskan perlumbaan.



Pasukan Maktab S.O.A.S. "A" berjaya lagi buat kali kedua-nya menjadi juara berpasukan. Dari kiri, Ak. Md. Yamin, Ak. Masuni, Arthur F. J. De Silva (Juga Juara persaorangan), Azahari dan Zaini.

Pengakap2 sedang menaikkan ka-atas lori basikal2 dari pelumba2 yang tidak dapat menghabiskan perlumbaan di-sebabkan kemalangan2 kechil.





Gerai Persatuan Kampong Sengkurong yang telah mendapat tempat pertama dalam pertunjukan tersebut.



Bunga Anggrek yang telah mendapat tempat pertama.

Rombongan penyuntik cheghah kerongkong di-kawasan Ulu Belait

KUALA BELAIT, — Jabatan Perubatan dan Kesihatan sedang memberikan suntakkan kepada kanak2 berumur 10 tahun ka-bawah di-kampung2 kawasan Ulu Belait, kerana menchechah penyakit kerongkong.

Sa-orang juruchakap Pejabat Perubatan di - Kuala Belait berkata, sa-ramai 275 orang kanak2 telah di-berikan ubat dose pertama.

Kata-nya, rombongan penyuntik juga telah mula memberikan ubat dose kedua kepada 111 orang dari mereka dan yang lain-nya akan menerima ubat dose kedua awal bulan hadapan, sementara ubat dose ketiga, ia-itu yang terakhir akan di-berikan dalam masa beberapa bulan lagi.

Langkah memberikan suntakkan itu di-mulakan awal bulan ini, sa-telah berlaku-nya

beberapa kejadian penyakit kerongkong di - k a l a n g a n kanak2 di-kawasan itu.

Di-Daerah Tutong, jabatan perubatan pada masa ini sedang memberikan ubat sabine dose ketiga kepada murid2 di-25 buah sekolah, dalam usaha untuk melindungi kanak2 yang berumur sembilan tahun kebawah, dari di-serang oleh penyakit lumpoh.

Pegawai2 Ukor berkursus di-K. L.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai tujuh orang pegawai ukor telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Sabtu lepas untuk menjalani latihan khas di-Jabatan Ukor Malaysia sa-lama tiga bulan.

Mereka ia-lah Awang Othman bin Safar, Awang Yunus bin Noh, Awang Abdul Razak

Hari Peladang dan Tani Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertunjukan Hari Peladang dan Tani bagi Daerah Brunei-Muara telah di-adakan selama dua hari — 28 dan 29 September lepas di-Sekolah Melayu SMJA padang, Bandar Brunei.

Pertunjukan itu ada-lah buat kedua kali-nya di-anjor-kan oleh Persekutuan Persatuan2 Peladang di-daerah ini dengan kerjasama Jabatan Pertanian.

Lebih dari 20 buah persatuan2 peladang dari Daerah Brunei-Muara telah mengambil bahagian dalam pertunjukan tersebut.

Pertunjukan itu telah di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu bahagian ahli2 persatuan peladang dan peladang2 perseorangan.

Gerai yang mendapat tempat pertama dalam pertunjukan itu ia-lah dari Persatuan Peladang Sengkurong, kedua — Persatuan Peladang Mulaut dan Ketiga — Persatuan Peladang Lumapas.

Sementara perusahaan2 yang terbaik di-menangi oleh Kampong Lumapas, kedua — Kampong Pulau Berbunut dan ketiga — Kampong Kulapis.

bin Mohammad, Awang Mumin bin Abdul Razak, Awang Tengah bin Abdul Salam, Awangku Damit bin Pengiran Kalong dan Awang Suhaili bin Bungsu.

Dua orang dari mereka akan di-tempatkan di-bahagian luar, dua di-bahagian kira mengira dan tiga di-bahagian membuat peta.

Balai Bomba mula menjalankan perkhidmatan

MUARA. — Balai Bomba di-Muara telah memulakan perkhidmatan-nya pada minggu lepas dengan di-anggotai oleh 25 orang kaki-tangan dan pegawai.

Balai bomba yang ke-empat di-bena di-negeri ini telah siap awal tahun ini dengan menelan belanja \$350,000.

Balai bomba di-Muara itu telah di-lengkapi dengan alat perkakas yang moden termasuk sa-buah jentera tangga berlipat untuk di-gunakan melawan kebakaran di-bangunan2 yang tinggi.

Balai Bomba di-Tutong telah memulakan perkhidmatan-nya baharu2 ini sementara Balai Bomba di - Temburong akan dapat menjalankan perkhidmatan-nya tidak beberapa lama lagi.

INGATAN KAPADA PEMEGANG2 KAD PENGENALAN HIJAU

ADA-LAH di-ma'alumkan kepada orang ramai terutama sekali kepada pemegang kad pengenalan warna hijau bahawa mulai dari 1hb. Julai, 1969 kad2 pengenalan hijau yang di-keluarkan telah di-buat perubahan dengan menambah tarikh kebenaran tinggal mereka yang di-benarkan oleh Pejabat Imigresen.

Kad2 itu hanya sah mengikut tarikh yang tertulis di-ruangan perkataan 'sah hingga' di-sebelah bawah kiri.

Oleh yang demikian semua pemegang2 kad pengenalan hijau yang belum di-buboh tarikh kebenaran tinggal mereka ka-dalam kad pengenalan ada-lah di-kehendaki mendaftar sa-mula untuk mendapat kad pengenalan baharu, di - pusat2 Pendaftaran; Bandar Brunei, Kuala Belait, Tutong dan Temburong dari sekarang dan tidak lewat dari 31hb. December, 1969.

Mereka ada-lah juga di-kehendaki membawa bersama; Paspot, Kad Pengenalan, 2 keping gambar dan stamp yang berharga 50 sen.

Mereka yang tidak menukarkan kad pengenalan-nya ada-lah melakukan satu kesalahan yang mana mereka boleh di-da'awa ka-Mahkamah.

Banyak lagi kawat talipon di-pasang

BANDAR BRUNEI. — Dalam masa sembilan bulan yang lalu, Jabatan Talikom telah memasang sa-banyak 307 talipon baru di-kawasan Bandar Brunei.

Sa-orang juruchakap jabatan tersebut berkata, sa-banyak 249 sambongan talipon juga telah di-pasang dalam tahun ini.

Juruchakap itu berkata, dalam masa yang sama, Jabatan Talikom telah menerima 197 permohonan baru. Pada tahun lalu jumlah talipon diseluruh negeri telah meningkat kepada 533 buah.

Dari jumlah itu sa-banyak 460 buah di-pasang di-Bandar Brunei, 21 di-Kuala Belait, 38 di-Seria, 11 di-Tutong dan tiga di-Temburong.

Meskipun ibu sawat sekarang mempunyai lebih dari 2,000 kawat talipon, tetapi talipon2 baru maseh belum dapat di-pasang dengan sarentak oleh kerana banyak kerja biasa yang di-lakukan oleh kaki-tangan jabatan tersebut.

Juruchakap itu berkata, jumlah pemohon2 dalam senarai menunggu giliran pemasangan talipon semakin berkurangan, tetapi permohonan2 baru di-terima pada tiap2 hari. Talipon2 baru akan di-pasang di-tempat2 yang paling ekonomi dan pemasangan talipon2 itu berdasarkan yang dulu di-dahulukan.

DUA PEGAWAI AMDB KA-JOHOR

BANDAR BRUNEI.—Dua orang pegawai AMDB telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lepas untuk menjalani latihan perang hutan kontra-revolusiner sa-lama dua minggu di-Sekolah Latehan Perang Hutan Kota Tinggi, Johor.

Pegawai2 itu ia-lah Major Mohammad bin Haji Daud dan Kaptein Musa bin Yaakub.



Dayang Azadah bte Awang Besar (gambar kiri) yang telah terpilih sebagai penyanyi terbaik dalam Pertandingan Bintang Radio 1969 yang telah di-adakan baru2 ini.

Dayang Azadah telah menyandang naib johan dalam kedua2 bahagian ia itu Lenggam dan Asli.

Sementara penyanyi terbaik lelaki ia-lah Awangku Emran bin Pengiran Manai.

Jambatan2 kayu di-gantikan dgn konkret

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kerja Raya sedang menjalan-kan kerja2 mengganti beberapa buah Jambatan kayu dengan jambatan2 konkret.

Salah sa-buah jambatan yang akan di-bena di-Daerah Brunei Muara ia-lah jambatan di-simpang Jalan Kianggeh dan Barangan di - Bandar Brunei.

Kerja membena jambatan tersebut telah di-mulakan baru2 ini. Ia-nya menelan belanja kira2 \$41,300.00.

Jambatan itu akan menggantikan jambatan kayu yang ada sekarang di-kawasan tersebut.

Sementara itu, pembenaan empat buah jambatan konkret di-kawasan perpindahan Simpang Muara di-Daerah Brunei/ Muara sedang berjalan dengan lancar.

Tiga buah lagi jambatan konkret antara Andulau dan Bukit Puan di-kawasan Ulu Belait juga sedang di-bena dengan harga \$165,400.

PULANG SA-TELAH TAMATKAN KURSUS

BANDAR BRUNEI.—Tiga orang penuntut kelas dewasa telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lepas sa-telah menamatkan kursus urusan rumah tangga Institute Trengkas Melayu di-Singapura.

Mereka ia-lah Dayang Zaliha Hamzah, Dayang Norzanah Yusof dan Dayang Rasidah Shahbuddin.

JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pegawai Bahasa

PERMOHONAN2 ada - lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sa-bagai Pegawai Bahasa di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti - lah mempunyai kelulusan degree dari Universiti yang di-akui dalam pengajian Melayu atau mempunyai diploma yang di - akui dalam Bahasa Melayu atau kelulusan yang sebanding dengan - nya; atau.
- Mereka2 yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman yang istimewa dalam hal karang mengarang dalam Bahasa Melayu akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B. 2 EB 3 — \$1020 x 40 — 1620/EB/ 1670 x 50 — 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri kontrak sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrak, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Oktober, 1969.

SI-TUYU

oleh:m.salleh ibrahim



PENGKAJIAN GERAKAN KEMAJUAN PERSATUAN2 PELADANG

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 Perkembangan dari Jabatan Pertanian akan melawat ka-sembilan buah kampung di-daerah2 Tutong dan Belait pada tarikh2 yang berasingan dalam bulan ini dan bulan hadapan.

Tujuan lawatan tersebut ialah untuk mengkaji kemajuan2 dan pergerakan2 yang telah dibuat dan di-chapai oleh Persatuan2 Peladang di-kampung tersebut.

Pegawai Perkembangan itu pada mula-nya akan melawat ka-empat buah kampung di-Daerah Belait. Mereka akan

menemui ahli2 persatuan peladang Kampung Kuru pada 13 Oktober, Kampung Pandan pada 14 Oktober, Kampung Perpindahan Pandan pada 15 Oktober dan Kampung Perpindahan Duhon pada 16 Oktober.

Di-Daerah Tutong, pegawai2 tersebut akan melawat ka-persatuan peladang Tanjong Maya pada 27 Oktober, Kampung Layong pada 28 Oktober dan Kampung Sungai Damit pada 29 Oktober.

Pegawai2 Perkembangan dari Jabatan Pertanian itu akan

pergi ka-Daerah Belait sekali lagi pada 3 November dan menemui peladang2 Sungai Teraban. Pada ke-esokan harinya 4 November pegawai perkembangan itu akan mengadakan lawatan ka-Persatuan Peladang di-Kampung Kuala Balai.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet mengharapkan kapada ahli2 persatuan peladang yang di-sebutkan tadi supaya memberikan kerjasama kapada pegawai2 perkembangan itu supaya mereka dapat menjalankan tugas2 mereka dengan baik.

Temburong pileh qari2 dan qari'ah2 ka-peraduan akhir

TEMBURONG. — Daerah Temburong telah memilih dua orang qari dan dua orang qari'ah untuk mewakili daerah itu ka - peraduan membaca Koran perengkat negeri yang akan di-adakan di - Bandar Brunei pada 16 Oktober ini.

Mereka ia-lah Awang Nordin bin Arshad, Awang Alihan bin Ismail, Dayang Aisah binte Begawan Mudim Haji Adnan dan Dayangku Saleha binte Pengiran Abdul Rahman.

Ke-empat2 orang qari dan qari'ah itu telah di-pilih dalam peraduan perengkat daerah yang di-adakan di - Pekan Bangar pada hari Ahad lepas.

Sa-buah J/K khas di-bentok untuk memilih wakil2 Brunei ka-Jambori Thailand

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah jawatankuasa khas telah di-bentok untuk mememuduga dan memilih guru2 dan pengakap2 yang akan mewakili negeri ini ka-Jambori Kebangsaan Pengakap di-Thailand lewat tahun ini.

Pembentokkan jawatankuasa itu telah di-persetujui dalam Majlis Mashuarat Pengakap Negeri yang telah bersidang pada hari Ahad lepas.

Sa-ramai 85 orang guru dan budak2 pengakap telah mendaftarkan nama untuk menghadiri jambori tersebut.

Jambori kebangsaan pengakap Thailand itu akan di-adakan di-Chengmai sa-lama sa-minggu mulai 11 Disember hadapan.



Gambar ketika rakaman pemilehan di-jalankan.

KUALA BELAIT. — Awang Robert Koh Meng Hua dan Awang Mohd. Ariff bin Abu Bakar telah di-pilih memasoki pertandingan Talentime 1969 yang akan di-adakah dalam bulan Disember hadapan.

Kedua2 orang penyanyi itu telah di-pilih dalam pemilehan yang pertama yang telah di-adakan di-Studio Radio Brunei Kuala Belait baru2 ini.

Sa-ramai 9 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pemilehan pertama itu. Rakaman pemilehan tersebut telah di-siarkan pada 2 Oktober lepas.

Pemilehan yang kedua yang mengandongi sembilan orang peserta juga telah di-adakan baru2 ini dan rakaman-nya akan di-siarkan pada malam esok jam 8.00 malam.

Sambutan Isra' dan Mi'raj di-Daerah Tutong

TUTONG. — Sambutan Isra' dan Mi'raj di-daerah Tutong telah di-adakan dengan peraduan membaca sajak dan nashid di-Masjid Hassanah Bol-kiah di-Pekan Tutong, pada 4 Oktober lepas.

Peraduan membaca sajak dalam bahagian lelaki telah dimenangi oleh Awang Yaakub bin Mohammad dan kedua Awang Mohammad Zun bin Tajin.

Bagi bahagian wanita — tempat pertama telah di-

menangi oleh Dayang Zaleha binte Awang Damit kedua Dayang Normah binte Yahya.

Peserta2 dari Persatuan Ikatan Melayu Telisai (PRIMET) telah di-pilih sebagai yang terbaik sekali dalam peraduan membaca sajak, dan mereka akan mewakili daerah Tutong ka-pertandingan terakhir seluruh negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei.

Pasokan2 dari Sekolah Melayu Muda Hashim, bahagian lelaki dan Sekolah Menengah Melayu Pertama Tutong bahagian wanita, ada-lah johan dalam peraduan nashid bagi bahagian masing2.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Sidek bin Yahya bagi pihak Pegawai Daerah Tutong telah merasmikan pembukaan peraduan itu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Awang Mohammed Zain bin Serudin.

Majlis yang bersidang pada hari itu juga telah bersetuju melantek Awang Mohd. Ali bin Daud sa-bagai Ketua Rombongan pengakap yang akan mewakili negeri ini ka-jambori tersebut.

Lain2 perkara yang di-bincangkan dalam mashuarat itu, termasuk-lah mengenai pergerakan pengakap di-negeri ini, ibu pejabat baru yang di-chadangkan di-Jalan Gadong dan melantek ahli2 jawatankuasa baru bagi tahun 1969/1970.

Ahli2 baru yang di-lantek pada hari itu ada-lah saperti berikut: Yang Di-Pertua — Awang Mohd. Ali bin Daud, Pengerusi Agong — Awang Mohd Suni bin Haji Idris, Setia Usaha Agong — Awangku Zahari bin Pengiran Damit dan Bendahari Agong — Awang Ong Kim Kee. Mereka ini semua-nya di-lantek samula.

Semua Pesuruhjaya Pengakap, pengerusi dan setia usaha Persekutuan Pengakap Tempatan juga telah di-lantek menjadi ahli2 jawatankuasa majlis mashuarat pengakap negeri.

166 masok pereksa G.C.E.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 166 orang chalon akan memasoki peperiksaan Sijil Pelajaran Am pada awal tahun depan.

Sa-ramai 121 orang chalon tersebut ada-lah dari Daerah Brunei-Muara dan lain-nya dari Daerah Belait.

Mereka itu ada-lah dari chalon2 private dan penuntut2 dalam tingkatan lima.

Peperiksaan tersebut akan di-

adakan di-dua buah pusat peperiksaan ia-itu di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran menyatakan bahawa pada tahun ini ada-lah yang paling ramai chalon memasoki peperiksaan tersebut.

Satu lagi peperiksaan yang sama akan di-adakan dalam bulan Jun tahun hadapan.